

Proses keluarkan cek diperketat

~~UMMA 76001 2003~~
PETALING JAYA, 6 Ogos 2003 - Menterian Kewangan dan Bank Negara Malaysia (BNM) akan bertemu dengan semua pegawai kewangan negeri minggu ini bagi memperketatkan proses pengeluaran cek dengan segera berikutan kes pengklonan cek di tiga buah negeri.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr. Jamaluddin Mohd. Jarjis berkata, pertemuan juga akan diadakan dengan bank-bank komersial bagi mengelakkan kejadian pemalsuan cek berulang di lebih banyak negeri.

"Kita akan adakan langkah jangka pendek, iaitu dengan memperbaiki pemprosesan cek-cek selain menambah langkah kawalan keselamatan kepada yang sedia ada sebagai langkah jangka sederhana," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan persidangan dua hari, Persidangan Akauntan Kebangsaan 2003 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sunway Pyramid, di sini hari ini.

Dr. Jamaluddin mengulas kes terbaru pengklonan cek kerajaan negeri di Sabah yang dipercayai melibatkan dana berjumlah melebihi RM5 juta.

Kerajaan Sabah sedar tentang perkara itu selepas BNM memaklumkan pihak polis bahawa sejumlah wang telah dikeluarkan dari Perbendaharaan Negeri menggunakan cek palsu Kerajaan Persekutuan sejak beberapa bulan lalu.

Pada 27 September, Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon mendedahkan 500 keping cek kerajaan negeri bernilai RM4 juta telah diklon.

Kes yang serupa juga turut dikesan di Melaka apabila Ketua Menterinya, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam mendedahkan kes pengklonan cek kerajaan negeri bernilai RM1.29 juta.

Menurut Dr. Jamaluddin, Perbendaharaan telah diarahkan oleh Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad supaya bertindak segera mengatasi masalah tersebut.

"Kita perlu memperkenalkan langkah keselamatan yang selangkah ke hadapan untuk mengatasinya, jadi kita sedang bekerjasama dengan BNM dan semua bank-bank komersial," ujarnya.